



28 OCT, 2025

TNB bantu industri, pengguna capai sasaran tenaga bersih

Berita Harian, Malaysia



TNB bantu industri, pengguna capai sasaran tenaga bersih

Syarikat utiliti nasional sedia pelbagai inisiatif segera peralihan tenaga negara

Oleh Rafhanah Hazirah Ramlin
bhbiz@nstp.com.my

Tenaga Nasional Bhd (TNB) komited memperkukuh kerjasama dengan industri dan pengguna di Malaysia bagi membantu mereka beralih kepada tenaga lebih bersih dan mampan, sejajar dengan aspirasi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) yang digerakkan kerajaan.

Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Kamal Arifin A Rahman, berkata syarikat utiliti nasional itu memainkan peranan penting sebagai rakan strategik dalam mempercepat peralihan tenaga negara menerusi pelbagai inisiatif yang memberi kuasa kepada pengguna dan industri untuk terlibat secara langsung dalam penggunaan tenaga hijau.

Katanya, TNB mempunyai beberapa pendekatan utama untuk membolehkan pelanggan menyertai peralihan tenaga antaranya adalah sebagai rakan kongsi dengan memperkasakan pelanggan mengurus dan memahami penggunaan tenaga mereka melalui platform digital myTNB.

"Platform myTNB kini mempunyai 7.88 juta pengguna, membolehkan mereka memantau dan mengawal penggunaan tenaga masing-masing demi mencapai kecekapan tenaga.

"Selain itu, Tariff Elektrik Hi-

jau (GET) juga diperkenalkan bagi membolehkan pengguna elektrik mengurangkan jejak karbon mereka daripada sumber tenaga boleh baharu. Inisiatif ini menawarkan bekalan elektrik rendah karbon kepada semua kategori pengguna di seluruh negara," katanya kepada BH.

Pelanggan yang melanggan skim GET akan membayar tariff elektrik bagi penggunaan bulanan tenaga hijau.

TNB juga menjadi penggerak kepada 'Solar Accelerated Transition Action Program' (Solar ATAP), sebuah inisiatif kerajaan yang membenarkan pengguna memasang panel solar di bumbung kediaman atau bangunan masing-masing untuk menjana tenaga hijau, menggantikan program NEM yang sudah tamat.

Melalui Solar ATAP, pengguna dibenarkan mengimangi bil elektrik mereka dengan menjual lebihan tenaga solar yang dijana kepada grid nasional. Nilai tenaga dieksport akan dikira berdasarkan harga pasaran tenaga semasa, atau 'System Marginal Price' (SMP), yang berubah mengikut kadar permintaan dan penawaran tenaga.

Manakala bagi sektor perniagaan dan industri, Kamal berkata, TNB menjayakan beberapa program inisiatif kerajaan seperti 'Corporate Renewable Energy Supply Scheme' (CRESS) dan 'Community Renewable Energy Aggregation Mechanism' (CREAM).

"Melalui skim ini, pelanggan komersial dan korporat dapat menjana dan menggunakan tenaga hijau dalam kapasiti lebih besar. Contohnya, projek di bawah CREAM akan menjana tenaga dan bekalan tenaga dijana melalui sistem ini akan digunakan dalam komuniti setempat," jelasnya.



Kamal Arifin pada Forum Perniagaan Tenaga ASEAN (AEBF-25).

(Foto Rafhanah Hazirah Ramlin/BH)

CRESS diwujudkan bagi membolehkan pelanggan korporat dan industri besar mendapatkan bekalan tenaga hijau dari ladang solar berskala besar yang dibangunkan pemaju tenaga, manakala CREAM pula memberi peluang kepada komuniti atau koperasi menjana tenaga hijau sendiri melalui pemasangan sistem solar atas bumbung.

Kedua-dua mekanisme ini menyokong pelaksanaan NETR dengan membolehkan lebih ramai pengguna menyertai agenda tenaga hijau negara.

CRESS berfungsi pada skala korporat melalui perjanjian tenaga antara pemaju tenaga hijau dan pelanggan, manakala CREAM pula berasaskan kerjasama komuniti di mana agregasi tenaga hijau yang dijana diagihkan untuk kegunaan setempat atau disalurkan ke grid nasional.

Kerjasama strategik

Tambah Kamal lagi, dalam pertambahan pelaburan dalam sektor korporat dan pusat data di Ma-

laysia, TNB kini aktif menjalin kerjasama strategik dengan pemaju tenaga boleh baharu serta pusat data bagi merancang keperluan tenaga hijau jangka panjang.

"Kolaborasi ini membolehkan kedua-dua pihak berbincang mengenai keperluan tenaga masa depan. Kita juga menawarkan GET dengan kapasiti 6,600 gigawatt jam (GWh) yang boleh dibeli pelanggan seperti pusat data untuk menyokong komitmen mereka terhadap tenaga hijau," katanya.

Mengulas usaha menjadikan tenaga hijau lebih mampan, beliau menjelaskan kerajaan dan TNB sendiri menyediakan pelbagai mekanisme pasaran, termasuk program Solar Berskala Besar (LSS) yang kini memasuki fasa keenam dengan kapasiti sehingga 400MW.

"Melalui program tenaga hijau kerajaan seperti GET, Solar ATAP, CRESS, CREAM dan LSS, lebih ramai pemain industri serta komuniti dapat menyertai pasaran tenaga boleh baharu sambil mengurangkan jejak karbon mereka.

INFO

INISIATIF TENAGA HIJAU TNB

- **myTNB:** 7.88 juta pengguna aktif mengurus penggunaan tenaga sendiri.
- **GET:** Membolehkan pembelian tenaga daripada sumber tenaga boleh baharu oleh pelanggan korporat dan individu.
- **Solar ATAP:** Galak pemasangan solar di kediaman dan bangunan komersial.
- **CRESS & CREAM:** Skim tenaga hijau untuk pelanggan korporat dan komuniti.
- **LSS:** Projek tenaga suria berskala besar sehingga 400MW.

"Pada masa sama, pelaburan besar sedang dilaksanakan bagi memperkukuh sistem penghantaran dan pengagihan tenaga negara bagi memastikan kestabilan grid apabila lebih banyak sumber tenaga boleh baharu disalurkan ke dalam sistem.

"Peralihan kepada tenaga hijau memerlukan pelaburan besar dalam sistem grid dan infrastruktur. TNB komited memastikan sistem penghantaran dan pengagihan tenaga kekal stabil dan bersedia menerima kemasukan tenaga hijau dalam skala lebih besar," katanya.

Kamal menegaskan, usaha ini bukan sekadar menyokong sasaran tenaga bersih negara, tetapi juga memastikan industri Malaysia kekal berdaya saing dalam era ekonomi rendah karbon.

"TNB akan terus menjadi rakan strategik kepada kerajaan dan sektor swasta dalam memastikan peralihan tenaga negara berjalan lancar, lestari, dan memberi manfaat kepada seluruh rakyat," katanya.